



جابتن كواغن دان فرينداهاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj. Kami : JKPNMPA.100-1/7/9 (22)

Tarikh : 25 September 2019

SENARAI EDARAN SEPERI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Y.A.A. Datuk/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PERATURAN BERKAITAN PENGLIBATAN ANGGOTA PENTADBIRAN/ WAKIL DALAM MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-14/7/4(19) bertarikh 31 Januari 2019 telah menjelaskan peraturan berkaitan penglibatan anggota pentadbiran/wakil dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan.

3. Berikutan daripada penjelasan tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.25/2019 telah mengambil maklum dan **bersetuju** supaya semua Mesyuarat Lembaga Perolehan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka menggunakan **Pekeliling Perbendaharaan/Pekeliling Kewangan 2.1, Perenggan 10(ii) (j) dan (k)** yang hanya membenarkan **keahlian/ wakil/ Lembaga Perolehan Kerajaan/ Jabatan terdiri daripada pegawai awam** di kalangan Kumpulan Pengurusan dan Professional. Selain itu, pekeling-pekeling yang dinyatakan juga digunakan di peringkat agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) Kerajaan Negeri Melaka.

3. Sehubungan dengan itu, semua pihak yang terlibat hendaklah mematuhi peraturan dalam pengurusan perolehan Kerajaan. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Y.A.A. Datuk/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MELAKA BERWIBAWA"

"PINTAR, HIJAU, BERSIH"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK HANAFI BIN SAKRI)

Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

s.k.: Fail Timbul



EDARAN JABATAN NEGERI

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Aras 2, Blok Temenggong, Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA
(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan)
2. Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka
Jabatan Mufti Negeri Melaka
Aras 2 & 3, Pusat Islam Melaka
Bukit Palah
75150 MELAKA
3. Y.A.A Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Jalan Ayer Keroh Lama, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA
4. Pengarah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka
Aras 1-2, Wisma Negeri
Jalan Wisma Negeri, Ayer Keroh
75450 MELAKA
5. Pengarah
Jabatan Agama Islam Melaka
Kompleks MAIM, Bukit Palah
75150 MELAKA
6. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
Jalan Taming Sari, Peti Surat 96
75906 MELAKA
7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
Aras Bawah dan Aras 1, Bangunan Wisma Negeri
Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
Alor Gajah
78000 MELAKA
9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
Jasin
77000 MELAKA
10. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Melaka
Aras 4, Wisma Negeri, Ayer Keroh
75450 MELAKA
11. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka
No.36-2 Tingkat 2, Jln KC 1, Bangunan Kota Cemerlang
Hang Tuah Jaya, Lebuah Ayer Keroh
75450 MELAKA
12. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka
Jalan Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya
75450 MELAKA
13. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Melaka
Aras 5, Wisma Negeri, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya
75450 MELAKA
14. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka
Aras 3, Wisma Negeri, MITC
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA
15. Setiausaha Sulit
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka
Jalan Seri Negeri, Ayer Keroh
75450 MELAKA
16. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka
Ayer Keroh
75450 MELAKA

EDARAN KETUA PENGUASA TEMPATAN NEGERI

17. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
No.1 Graha Makmur
Jalan Tun Abdul Razak, Ayer keroh
Hang Tuah Jaya,
75450 MELAKA.
18. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Jalan Dato' Dol Said, Alor Gajah
78000 MELAKA.
19. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin
Jasin
77000 MELAKA.
20. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Lot F51 & F52 Tingkat 1
Kompleks Melaka Mall, Jakan Tun Abdul Razak
Hang Tuah Jaya
75450 MELAKA.

EDARAN PEGAWAI BADAN BERKANUN NEGERI

21. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
Aras 4-11, Menara MITC
Jalan Konvensyen, Kompleks MITC
75450 MELAKA.
22. Ketua Pegawai Eksekutif
Syarikat Air Melaka Berhad
Tingkat Bawah 1-3, 10-13
Graha Maju, Jalan Graha Maju
75300 MELAKA.
23. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
Tingkat 8, Menara Pertam, Jalan BBP 2
Taman Batu Berendam Putra
Batu Berendam
75350 MELAKA.

24. Pengurus Besar
Yayasan Melaka
No. 40-52, Jalan BKD 27
Taman Bukit Katil Damai 2
75450 MELAKA.
25. Pengurus Besar
Perbadanan Muzium Melaka
Kompleks Warisan Melaka
Jalan Kota,
75000 MELAKA.
26. Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
242-1 Jalan Bukit Baru
75150 MELAKA.
27. Setiausaha,
Majlis Agama Islam Melaka
Pusat Islam Melaka
Aras 3, Bukit Palah
75400 MELAKA.
28. Pengarah Eksekutif
Perbadanan Stadium Melaka
Aras 1, Stadium Hang Jebat
Kompleks Sukan Hang Jebat
Paya Rumput, Krubong
75260, MELAKA.
29. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Bioteknologi Melaka
Lot 7, Bandar MITC
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA.
30. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Teknologi Hijau Melaka
Aras 3, Wisma Negeri, Bandar MITC
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA.
31. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Hang Tuah Jaya
Lot 51 & 52, Tingkat 1
Kompleks Melaka Mall
Jalan Tun Abdul Razak
75450 MELAKA.

32. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka
Aras 9, Bangunan Graha Maju
Jalan Graha Maju
75300 MELAKA.
33. Ketua Pegawai Operasi
Kumpulan Melaka Berhad
Bangunan Kota Cemerlang
No.24-5 & 6-5 Tingkat 5
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA.
34. Pengurus
Institut Seni Malaysia Melaka
No.9, Rumah Kerajaan
Bukit Peringgit
75150 MELAKA.
35. Pengurus Besar
Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia
Graha IKSEP, Jalan Mutiara Melaka 3
Taman Mutiara Melaka
Batu Berendam
75350 MELAKA.
36. Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Pengurusan & Integriti Melaka
No 25, Wisma IMM Bachang Jaya 1,
Off Jalan Tun Fatimah,
Taman Bachang Jaya
75250 MELAKA.
37. Pengurus Besar
Dunia Melayu Dunia Islam
No. 28-2, Aras 2
Kota Cemerlang, Lebuah Ayer Keroh
75450 MELAKA.
38. Ketua Pegawai Eksekutif
Putra Specialist Hospital Sdn Bhd
169, Jalan Bendahara
75100 MELAKA.
39. Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Melaka
Aras 10, Menara MITC
Kompleks MITC, Ayer Keroh
75450 MELAKA.



Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-14/7/4 (19)

Tarikh : 31 Januari 2019

SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

ISU PENGLIBATAN ANGGOTA PENTADBIRAN/WAKIL DALAM MESYUARAT LEMBAGA PEROLEHAN KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak kebelakangan ini, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) kerap menerima pertanyaan/permohonan daripada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan berkaitan penglibatan/pelantikan anggota pentadbiran/wakil sebagai pemerhati dalam mesyuarat Lembaga Perolehan (LP).

3. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, peraturan perolehan sedia ada di bawah IPP/PK2.1/Perenggan 10(ii)(j) dan (k) hanya membenarkan keahlian/wakil LP Kerajaan/Jabatan terdiri daripada pegawai awam di kalangan kumpulan Pengurusan dan Profesional. Hanya pegawai awam yang telah dilantik berserta urusetia LP Agensi sahaja yang dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat terutamanya semasa keputusan dibuat. Keahlian LP Kementerian/Jabatan adalah berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan No. 24344 bertarikh 24 Disember 2018. Secara prinsipnya, keahlian LP Kementerian adalah seperti berikut:

- (a) **Pengerusi**
Ketua Setiausaha (KSU) atau Timbalan KSU sebagai Pengerusi Ganti
- (b) **Ahli**
 - (i) Wakil MOF (Bahagian Perolehan Kerajaan);
 - (ii) Wakil Jabatan Kerja Raya; dan
 - (iii) Seorang pegawai awam dari Agensi lain yang boleh memberi sumbangan dalam bidang tertentu kepada LP, jika perlu.

SULIT

4. Manakala bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), selaras dengan surat MOF bertarikh 23 Mac 2018, secara prinsipnya, keahlian LP BBP adalah seperti berikut:

- (a) **Pengerusi**
KSU atau wakil Kementerian Pengawal dalam Lembaga Pengarah BBP.
- (b) **Ahli**
 - (i) Wakil MOF dalam Lembaga Pengarah BBP;
 - (ii) Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah BBP; dan
 - (iii) Seorang pegawai awam dari Agensi lain yang boleh memberi sumbangan dalam bidang tertentu kepada LP, jika perlu.

5. Selaras dengan penurunan kuasa oleh YB Menteri Kewangan kepada LP Kementerian/Jabatan/BBP melalui Seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mempertimbangkan dan memutuskan perolehan Kerajaan tertakluk kepada had nilai kuasa yang ditetapkan, hanya pegawai awam yang dilantik seperti di perenggan 4 dan 5 sahaja yang dibenarkan berada dalam mesyuarat LP. Ketetapan ini adalah seiring dengan doktrin pengasingan kuasa antara badan legislatif dan eksekutif yang bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa, mengekalkan integriti LP dan mengelakkan tohmahan kepada anggota pentadbiran dalam urusan perolehan Kerajaan.

6. Sehubungan itu, semua Kementerian/Jabatan/BBP adalah bertanggungjawab memastikan perkara berikut dilaksanakan:

- (a) Penglibatan/pelantikan mana-mana pihak yang tidak berkaitan termasuk anggota pentadbiran/wakil sebagai pemerhati dalam LP adalah tidak dibenarkan;
- (b) Sesi pemakluman/penerangan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan termasuk anggota pentadbiran/wakil berkaitan kertas perakuan perolehan/tender untuk pertimbangan dan keputusan LP adalah tidak dibenarkan;
- (c) Selaras dengan pematuhan ke atas IPP/PK2.1/Perenggan 8(xiii), semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender, tawaran tender, penilaian tender, minit mesyuarat atau apa-apa dokumen yang berkaitan hendaklah diklasifikasikan sebagai 'SULIT' dan tidak boleh disebar kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan tender bagi perolehan/projek yang terlibat sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan. Ketua Agensi adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Kegagalan dalam memastikan perkara ini boleh dianggap sebagai melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972 (*Official Secrets Act - OSA*) [Akta 88] dan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas pegawai yang terlibat; dan
- (d) Urusan perolehan hendaklah sentiasa dilaksanakan berdasarkan prinsip perolehan dan amalan tadbir urus yang baik. Oleh yang demikian, jika tiada peraturan spesifik berkaitan dengannya dinyatakan dalam peraturan perolehan yang sedang

SULIT

berkuat kuasa, ia tidak boleh dianggap sebagai suatu kelonggaran kepada Agensi. Sebaliknya perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada MOF untuk ketetapan.

7. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam memastikan perkara di atas dipatuhi adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)

s.k. YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara